



SIARAN MEDIA

MAJIKAN DISERU SUPAYA MENDAFTAR DAN MENCARUM DENGAN PERKESO SEBELUM TINDAKAN PENGUATKUASAAN DIAMBIL MULAI 1 JULAI 2023

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menggesa para majikan supaya memanfaatkan Bulan Pemutihan yang sedang berlangsung untuk mendaftar dan membayar caruman kepada PERKESO.

Pada 2 Mei lalu, PERKESO telah melancarkan **Bulan Pemutihan bagi tempoh Mei hingga Jun 2023** yang memberi ruang dan peluang kepada majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka tanpa dikenakan apa-apa tindakan penguatkuasaan sekiranya ada kelewatan.

Selepas berakhirnya tempoh pemutihan tersebut, PERKESO akan melancarkan **Ops Kesan pada bulan Julai 2023** nanti untuk menguatkuasakan **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** dan **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)** ke atas majikan dan pekerja di negara ini.

Adalah penting akta-akta ini dipatuhi demi menjamin perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja termasuk pekerja asing di Malaysia.

Ops Kesan kali ke-14 ini bertujuan memastikan semua majikan yang menggajikan sekurang-kurangnya seorang pekerja (tanpa mengira jumlah gaji) mendaftarkan perusahaan dan pekerja mereka sebagai mana peruntukan **Seksyen 4 dan 5, Akta 4** serta **Seksyen 14 dan 16, Akta 800**.

Kegagalan majikan untuk mendaftarkan perusahaan dan pekerja merupakan satu kesalahan yang **boleh dikenakan tindakan pengkompaunan dan pendakwaan** di bawah Akta 4 dan Akta 800. Jumlah kompaun yang dikenakan boleh mencecah sehingga **RM5,000** mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.

Bagi majikan yang gagal membayar kompaun, mereka boleh dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dijatuhi hukuman **denda sehingga RM10,000** atau **penjara sehingga dua (2) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

Selain itu juga, majikan yang lewat mendaftar dan mencarum juga akan dikenakan **Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)** pada kadar **enam (6) peratus setahun** di atas **setiap hari caruman lewat dibayar**.

Sekiranya majikan masih **gagal** berbuat demikian dalam **tempoh pemutihan yang akan berakhir pada 30 Jun 2023** ini, PERKESO **tidak akan berkompromi dengan ketidakpatuhan majikan dan tidak akan mempertimbangkan apa-apa pengecualian daripada tindakan penguatkuasaan** terhadap majikan terbabit.

Justeru, dengan tempoh yang masih berbaki kurang daripada sebulan, **PERKESO menyeru semua majikan yang layak tetapi masih belum mendaftar dan mencarum supaya segera berbuat demikian secara sukarela**, sama ada menerusi **Portal ASSIST** atau hadir ke mana-mana **54 pejabat PERKESO** di seluruh negara, agar tidak dikenakan tindakan.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, kunjungi laman sesawang rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline PERKESO **1-300-22-8000** atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

DIKELUARKAN OLEH:
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
6 JUN 2023

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

Hamisah Hamid

+6019-383 3605

hamisah.hamid@perkeso.gov.my